

PM jamin pengurangan gaji tak libat golongan bawah

24 OCT 1987

KUALA LUMPUR 23 Okt. — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad dan Timbalannya Encik Abdul Ghafar Baba hari ini memberi jaminan bahawa cadangan pengurangan gaji kakitangan baru sektor awam mungkin tidak melibatkan kakitangan peringkat paling bawah.

Menurut kedua-dua pemimpin tersebut, cadangan yang dibentangkan di dalam belanjawan negara itu kini dalam proses pengkajian dan belum diputuskan lagi.

Ia akan meliputi kakitangan di semua peringkat "tetapi pertimbangan akan dibuat dengan mengambil kira kakitangan di peringkat rendah yang bergaji kecil."

Datuk Sri Dr. Mahathir yang ditemui sebaik saja Dewan ditangguhkan petang ini berkata sekarang ini terlalu ramai orang yang menganggur yang sanggup menerima separuh gaji.

Kalau kerajaan tidak menurunkan gaji, kita mungkin tidak boleh mewujudkan peluang kerja yang lebih banyak.

"Di negara Asia Tenggara ini, selain dari Singapura, kitalah antara yang membayar gaji yang tinggi, elok kita buat sedikit pengubahsuaian," kata Perdana Menteri.

Ditanya apakah dengan pengurangan gaji tersebut

bermakna kerajaan akan menambahkan pengambilan, beliau berkata soal itu bergantung kepada keupayaan.

"Jika dengan gaji yang tinggi kita boleh ambil dua orang pekerja, mungkin dengan terlaksananya cadangan ini kita boleh ambil tiga orang," katanya.

Ditanya sama ada cadangan itu akan dilaksanakan tahun depan, Perdana Menteri menambah bahawa perkara tersebut masih belum diputuskan lagi setakat ini.

Menjawab pertanyaan sama ada pengurangan gaji bagi kakitangan baru sektor awam itu akan melibatkan semua peringkat, beliau menegaskan:

Ia sepatutnya melibatkan semua supaya ada keseimbangan.

Ia tidak begitu melibatkan kakitangan kumpulan yang rendah sekali.

"Inilah sebabnya kita kena buat kajian."

Ditanya apakah pengecualian akan diberi kepada kumpulan rendah, beliau menambah bahawa "semua itu adalah dalam proses kajian."

Mengenai kenaikan cukai jualan bahan - bahan binaan, Perdana Menteri berkata barangan yang terlibat bukan merupakan barangan yang biasa tetapi barang mewah

seperti lantai "parquet."

Datuk Sri Dr. Mahathir juga berkata bahawa belanjawan tersebut tidak akan memberi kesan kepada rumah kos rendah.

Mengenai penjualan saham - saham MAS dan MISC kepada Bank Negara, beliau berkata langkah itu bertujuan menambahkan sumber kewangan kerajaan untuk keperluannya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian bahawa belanjawan negara untuk tahun depan itu adalah belanjawan yang baik dan tidak membebankan sesiapa dengan terlalu banyak cukai.

Sementara itu Timbalan Perdana Menteri, Encik Abdul Ghafar Baba berkata cadangan kerajaan untuk mengurangkan gaji permulaan bagi kakitangan baru bertujuan menambahkan pekerjaan dan menarik pelaburan.

"Dengan adanya pelaburan akan wujud lebih banyak peluang pekerjaan dan ini boleh mengurangkan pengangguran," kata beliau.

Menurutnya, dengan mengurangkan gaji permulaan kakitangan baru, kerajaan dapat mengurangkan perbelanjaannya.

Encik Ghafar juga memberi jaminan bahawa cadangan tersebut tidak akan "mengusik" langsung kakitangan yang sedia ada sekarang.

Cadangan itu juga masih satu bayangan sahaja dan sama ada nak dijalankan atau tidak masih belum tahu lagi.

"Ia masih dikaji dan belum muktamad," kata Encik Ghafar.

Ditanya sama ada cadangan itu melibatkan semua kakitangan, Timbalan Perdana Menteri menjelaskan: Ia melibatkan yang baru. Yang bawah sekali mana boleh kurang.

Belum tahu setakat peringkat mana.

"Kita selalu mengambil pertimbangan orang bergaji rendah. Biasanya kita tak usik, itu dasar kita."

Mengenai kenaikan cukai bahan - bahan binaan, beliau berkata, ia bertujuan menggalakkan penggunaan bahan - bahan dalam negeri.

Menjawab satu pertanyaan Encik Ghafar berkata penjualan saham - saham MAS dan MISC terpulung kepada persetujuan yang akan dicapai antara pihak berkemampuan dengan Bank Negara.